

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN [SUBANG]

SOALAN NO. 468

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan masa mengenai pelaksanaan dasar gaji minima sebanyak RM1,500 sebulan. Adakah Kementerian komited untuk menguatkuasakan dasar ini dalam tempoh pertama Kerajaan Pakatan Harapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Perintah Gaji Minimum (Pindaan) 2018 telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2019 yang lalu, dan terpakai kepada semua pekerja sector swasta kecuali perantis dan pekhidmat domestik seperti pembantu rumah. Kerajaan buat pertama kalinya berjaya menetapkan kadar gaji minimum seragam bagi seluruh Negara selaras dengan hasrat dan komitmen Kerajaan yang bertujuan untuk memastikan rakyat mendapat hak yang sama rata dari aspek gaji tanpa mengira wilayah.

2. Kerajaan komited untuk menaikkan kadar gaji minimum kepada RM1,500 dalam lima tahun pemerintahan sebagaimana dijanjikan. Bagaimanapun, Kerajaan berpandangan sebarang kenaikan gaji minimum yang akan dilaksanakan kelak adalah secara berperingkat dengan kadar yang munasabah kerana kadar gaji minimum akan dikaji semula sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua tahun sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 25 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732).

SOALAN NO: 468

3. Di samping itu juga, bagi memastikan pematuhan undang-undang gaji minimum, Kerajaan melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) akan membuat penguatkuasaan berterusan seperti pemeriksaan berkanun, aduan, kes buruh dan pendakwaan. Sekiranya pihak pekerja mendapati gaji minimum tidak dipatuhi oleh majikan mereka, adalah disyorkan supaya aduan dibuat di pejabat JTK yang berdekatan.
4. Kesimpulannya, asas utama Kerajaan pada kali ini adalah untuk menyeragamkan kadar gaji minimum seluruh negara bagi menghapuskan diskriminasi dalam pembayaran gaji minimum. Diharap keputusan yang dibuat oleh Kerajaan dapat memberikan manfaat yang menyeluruh kepada rakyat dan memastikan ekonomi negara terus kekal berdaya saing.